



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

SESI PENYERAHAN *FLEET CARD* SKDS 2.0 KEPADA SYARIKAT PENGANGKUTAN DARAT BERSAMA WAKIL SYARIKAT MINYAK

KLANG UTARA, SELANGOR, 23 MEI 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah mengadakan Sesi Penyerahan *Fleet Card* Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 kepada beberapa syarikat pengangkutan darat bersama wakil syarikat minyak di Kawasan Rehat Klang Utara, Lebuhraya Baru Selat Klang Utara, Selangor.

Sesi Penyerahan *Fleet Card* SKDS 2.0 kepada 15 syarikat pengangkutan darat bersama wakil syarikat minyak ini melibatkan pelbagai jenis kenderaan seperti Lori Rigid – Kargo Am, Lori Rigid Luton/ Kotak, Panel Van, Lori Rigid Refrigerated dan Penggerak Utama.

Secara keseluruhan, sehingga 22 Mei 2024, sejumlah 28 ribu syarikat pengangkutan darat telah mendaftar dan mendapat kelulusan dalam pelaksanaan SKDS 2.0. Manakala, pengeluaran *fleet card* oleh lima syarikat minyak utama kepada syarikat-syarikat pengangkutan yang layak telah mencecah hampir 90 ribu sejak pengumuman dibuat oleh Kementerian pada 7 Mac 2024 yang lalu.

Pada masa yang sama, KPDN akan terus membuka permohonan kepada kesemua jenis pengangkutan darat awam dan barangan yang layak membuat permohonan melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>. Kriteria-kriteria permohonan yang perlu dipenuhi oleh syarikat adalah seperti berikut:

- (i) syarikat hendaklah berdaftar perniagaan di Malaysia;
- (ii) kenderaan mempunyai cukai jalan yang sah dan berkuatkuasa; dan
- (iii) kenderaan yang layak di bawah SKDS 2.0 sahaja.

Syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan di bawah SKDS juga dinasihatkan untuk terus membuat permohonan *fleet card* melalui syarikat minyak pilihan secara atas talian di pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/portal/contact>.

Sebagai makluman, sejak 2013, KPDN telah menerajui pelaksanaan tadbir urus subsidi diesel dengan kadar harga khas berbeza dengan harga runcit di stesen-stesen minyak. Pelaksanaan ini menggunakan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 beserta *fleet card* yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat minyak melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam seperti berikut:

SKDS 1.0 : 10 Jenis Kenderaan Pengangkutan Awam

- | | |
|-----------------------|-----------------------|
| (i) Bas Sekolah | (vi) Kereta Sewa |
| (ii) Bas Ekspres | (vii) Teksi |
| (iii) Bas Henti-Henti | (viii) Van/Lori Mayat |
| (iv) Bas Pengantara | (ix) Ambulans |
| (v) Bas Mini | (x) Bomba |

Bermula 7 Mac 2024, pelaksanaan sistem ini diperluaskan melalui SKDS 2.0 Fasa 1 meliputi tambahan kepada 9 jenis kenderaan pengangkutan barangan seperti berikut:

SKDS 2.0 Fasa 1 : 9 Jenis Kenderaan Pengangkutan Barangan

- | | |
|--------------------------------|----------------------------------|
| (i) Lori Rigid - Kargo Am | (vi) Lori Rigid - Refrigerated |
| (ii) Penggerak Utama | (vii) Lori Rigid - Tangki Tepung |
| (iii) Lori Rigid - Luton/Kotak | (viii) Window Van |
| (iv) Lori Rigid - Tangki Air | (ix) Panel Van |
| (v) Lori Rigid - Minuman Botol | |

Setelah proses pengintegrasian data bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan proses pendaftaran permohonan SKDS 2.0 Fasa I berjalan dengan lancar, Kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan pelaksanaan Fasa II kepada SKDS 2.0. Perluasan SKDS 2.0 Fasa II akan melibatkan tambahan 14 jenis kenderaan barangan lain yang meliputi senarai berikut:

SKDS 2.0 Fasa 2 : 14 Jenis Kenderaan Pengangkutan Barangan

- | | |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| (i) Lori Rigid – Curtainsider | (viii) Lori Food Catering |
| (ii) Lori Rigid - Hasil Pertanian | (ix) Lori Tangki Rigid - Minuman |

- | | |
|-----------------------------------|---|
| (iii) Lori Rigid - Kandang Haiwan | (x) Semi - Panel Van |
| (iv) Lori Rigid – Kombinasi | (xi) Bas Perkhidmatan Bergerak |
| (v) Lori Rigid - Open Platform | (xii) Van Perkhidmatan Bergerak |
| (vi) Bas Food Catering | (xiii) Lori Rigid - Perkhidmatan Bergerak |
| (vii) Van Food Catering | (xiv) Lori Rigid - Sampah |

Pertambahan dalam fasa II ini menjadikan keseluruhan kenderaan barangan yang layak untuk mendapatkan diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0 adalah sebanyak 23 jenis kenderaan barangan. Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut berkenaan perkara ini boleh diperolehi melalui Pusat Panggilan Sistem MySubsidi Diesel di talian 03-8882 6769 bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada hari bekerja.

Pihak Kementerian merakamkan penghargaan kepada syarikat-syarat minyak yang terlibat atas komitmen tinggi untuk melancarkan proses pelaksanaan SKDS termasuk penyediaan *fleet card* yang mencukupi dalam masa yang singkat. Perluasan SKDS merupakan pendekatan untuk menangani isu ketirisan subsidi bahan api diesel melalui mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan secara digital. Ia melibatkan peralihan mekanisme analog skid tank kepada penggunaan *fleet card* dalam memastikan subsidi dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada kumpulan sasar.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###